



TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI**

**SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG KE-73 TAHUN 2022**

**PADA 23 JULAI 2022 (SABTU)
BERTEMPAT DI DEWAN SRI PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang dan

YABhg Puan Tan Lean Kee

YB Dato' Law Choo Kiang

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan

YBhg Datin Teoh Hooi Tuang

YB Profesor Dr Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan

YBhg Puan Kalaiarasi a/p Kolandhavelu

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

YBhg Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Sri

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri

YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

YBhg Konsul-Konsul Jeneral dan YBhg Konsul-Konsul Kehormat

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, sempena hari yang bermakna ini, saya dan Toh Puan melahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, saya dan Toh Puan berada dalam keadaan sihat wal'afiat.

2. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah mendoakan kesejahteraan dan menyampaikan ucapan tahniah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Rasmi saya yang Ke-73.

3. Terlebih dahulu ingin saya melafazkan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri atas ucapan ikrar taat setia bagi pihak Kerajaan, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang.

4. Ucapan dan ikrar tersebut mencerminkan hubungan erat antara institusi Yang di-Pertua Negeri, Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang yang saling bergantung dan bergerak seiring demi memastikan kemakmuran dan keamanan negeri kita terus terpelihara.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

5. Saya berasa gembira dan bersyukur, setelah negara kita memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022 yang lalu, semua rakyat telah dapat menjalani semula kehidupan yang hampir normal seperti sebelum dilanda pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, kita hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga kerana pandemik COVID-19 masih belum berakhir. Rakyat yang belum mengambil suntikan '*booster*' vaksin adalah dinasihatkan untuk berbuat demikian dengan segera supaya mendapat perlindungan daripada virus berbahaya tersebut.

6. Cabaran yang dihadapi semasa penularan wabak COVID-19 telah menunjukkan bahawa tanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan rakyat adalah amat besar sekali. Kerajaan Negeri telah membuktikan kemampuan untuk mengemudi negeri dan melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berjaya memastikan kelangsungan hidup rakyat.

7. Alhamdulillah, keadaan ekonomi negeri telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang memberangsangkan. Pulau Pinang telah berjaya mencatatkan nilai pelaburan pembuatan pada tahun 2021 sebanyak **Ringgit Malaysia tujuh puluh enam perpuluhan dua dua bilion (RM76.22 bilion)**, iaitu yang tertinggi di Malaysia bagi tahun tersebut. Sektor pelancongan juga telah bertambah rancak dengan kebanjiran pelancong menjelang perayaan dan cuti sekolah. Aktiviti-aktiviti yang menjana ekonomi negeri juga telah meningkat.

8. Namun demikian, banyak lagi tugas besar yang perlu dilaksanakan bagi menjamin kemakmuran yang berterusan bagi rakyat. Dalam tempoh pemulihan ekonomi ini, kita diuji pula dengan pelbagai cabaran termasuk gangguan rantai bekalan yang melibatkan tenaga kerja serta bekalan cip semikonduktor. Cabaran-cabaran ini sebenarnya dihadapi di seluruh dunia. Walau bagaimanapun saya yakin, dengan asas-asas ketahanan yang dibina selama ini, jalinan rangkaian infrastruktur dan industri yang kukuh serta kerjasama awam-swasta, cabaran-cabaran pemulihan ekonomi yang dihadapi akan dapat diatasi bersama.

9. Dalam kita melangkah ke era teknologi Revolusi Perindustrian Keempat, amalan pertanian harus dimodenkan agar pengeluaran dan pendapatan para peladang dan petani dapat ditingkatkan selaras dengan kemajuan teknologi dan peredaran zaman. Antara kaedah yang dapat dilaksanakan adalah penggunaan varieti tanaman yang mengeluarkan hasil yang tinggi dalam tempoh masa yang singkat, penggunaan input pertanian yang menggalakkan pertumbuhan dan aplikasi teknologi moden yang tidak menggunakan tanah sebagai media tanaman.

10. Negeri Pulau Pinang patut mengambil iktibar dari negara-negara lain yang telah berjaya di dalam bidang pertanian walaupun tidak mempunyai tanah yang besar. Adalah penting kerjasama pelbagai agensi penyelidikan Kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta digembelingkan bagi memajukan sektor ini. Dalam masa yang sama, usaha-usaha sewajarnya patut dipertingkatkan bagi menarik generasi muda agropreneur untuk menyumbang kepada nilai tambah pertanian serta membolehkan Negeri Pulau Pinang menyumbang ke arah meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan negara amnya. Saya yakin matlamat-matlamat ini dapat dicapai di samping penekanan yang serius diberi kepada isu-isu pemuliharaan alam sekitar dan pencemaran.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

11. Bekalan air termasuk bekalan air mentah yang mencukupi adalah penting bagi setiap negeri, bukan sahaja untuk keperluan harian rakyat tetapi juga untuk pembangunan pertanian dan industri. Sebarang gangguan kepada bekalan tersebut adalah sukar diterima lebih-lebih lagi sekiranya disebabkan oleh kesalahan dan kecuaiian manusia sendiri. Dalam hal ini, saya memuji tindakan Kerajaan Negeri menangani isu kekeruhan air mentah di Sungai Muda baru-baru ini ekoran kejadian banjir di Baling, Kedah.

Saya juga menyeru kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi keutamaan bagi menyiapkan Projek Pembinaan Fasa 2B dengan segera bagi melengkapkan sistem bekalan air di Empangan Mengkuang dan seterusnya, memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam memastikan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dilaksanakan dengan segera bagi menampung keperluan air mentah di Negeri Pulau Pinang.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

12. Perpaduan rakyat adalah penting untuk pembangunan. Pulau Pinang boleh berbangga dengan tahap perpaduan yang telah dikecapi setakat ini. Walau bagaimanapun, saya menyeru Kerajaan Negeri agar terus berusaha meningkatkan lagi perpaduan dan hubungan silaturahim rakyat yang kukuh melalui pelaksanaan program-program yang disokong rakyat keseluruhannya. Dalam hal ini saya juga menyeru agar semua rakyat Pulau Pinang sentiasa mengamalkan sikap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan berwaspada mengenai isu-isu yang boleh menimbulkan sensitiviti kaum. Adalah wajar perbezaan antara kaum dilihat secara positif bagi membolehkan kita menjadi bertambah kuat dan bersatu padu dalam sebuah negeri yang majmuk.

13. Rakyat Negeri Pulau Pinang patut berasa bertuah berada dalam keadaan aman dan damai di bawah Kerajaan Negeri yang diterajui oleh YAB Ketua Menteri. Saya yakin Visi Penang2030 yang telah diperkenalkan, akan terus disokong rakyat sepenuhnya bagi mencapai matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang dibanggakan.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

14. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Hari Ulang Tahun saya yang Ke-73. Semoga kurniaan anugerah ini mampu menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada semua untuk terus menyumbang khidmat bakti kepada negara khususnya di Negeri Pulau Pinang. Anugerah ini dikurniakan kepada mereka yang terpilih, yang telah menunjukkan komitmen dan ketinggian peribadi serta menjadi teladan kepada masyarakat yang lain. Untuk itu, saya menyeru agar semua penerima terus memberi khidmat dengan penuh dedikasi di samping menjaga tatasusila, tingkah laku serta pekerti yang mulia.

15. Mengakhiri ucapan, saya berdoa agar Negeri Pulau Pinang sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera sepanjang masa, dilindungi dari segala keburukan dan keaiban, malapetaka dan bencana alam, dihindarkan dari segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan dan sentiasa diberkati ke jalan yang diredhai Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.